

Malaysia-Singapura erat hubungan

Seri Paduka harap kerjasama, persefahaman dipertingkatkan menerusi dialog dalam pelbagai bidang

SINGAPURA: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail menyuarakan harapan agar hubungan baik antara Malaysia dan Singapura akan terus dipertingkatkan bagi manfaat kedua-dua negara dalam tahun akan datang.

Seri Paduka gembira melihat hubungan antara kedua-dua negara berjiran itu dipertingkatkan menerusi dialog, selain kerjasama yang bertambah baik dalam pelbagai bidang sejak beberapa tahun kebelakangan.

Baginda bertitah, kali terakhir lawatan negara dilakukan oleh Malaysia ke Singapura ialah 18 tahun lalu pada Julai 1988 oleh Yang di-Pertuan Agong ketujuh, Tuanku Sultan Iskandar Sultan Ismail.

"Kami amat gembira melawat Singapura pada masa hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara dipertingkatkan menerusi dialog yang sering kali diadakan dalam semangat berjiran yang baik dan persefahaman.

"Kami gembira melihat peningkatan kerjasama antara kedua-dua negara sejak beberapa tahun kebelakangan

terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertanian, pertahanan dan keselamatan, kesihatan, alam sekitar, penerangan selain seni dan budaya," titah baginda pada jamuan negara yang dianjurkan oleh Presiden S R Nathan, malam tadi.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat ke majlis berkenaan. Rombongan diraja disertai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Azmi Khalid selaku menteri pengiring.

Seri Paduka gembira dengan peningkatan ketara dalam pertukaran lawatan antara kedua-dua negara pada peringkat menteri, pegawai kanan dan teknikal.

"Pertukaran lawatan yang dilakukan pada peringkat tertinggi dari kedua-dua negara pada 2004 dan 2005 membawa kepada penggalakan persahabatan serta persefahaman, sekali gus mewujudkan semangat muhibah dan persekitaran yang kondusif bagi menyelesaikan isu serta masalah," katanya.

Ini, titah Seri Paduka, jelas menggambarkan hubungan kedua-dua ne-

gara pada tahap paling baik.

Sementara itu, ketika berucap pada jamuan itu, Presiden Nathan berkata, hubungan kedua-dua negara semakin kukuh kerana tidak membenarkan isu tertangguh menghalang mereka daripada saling bekerjasama.

"Sebagai dua negara berjiran yang hidup dan bekerja dalam kawasan yang begitu dekat seperti kita, berdepan dengan perbezaan perspektif dan kepentingan dari semasa ke semasa adalah perkara biasa.

"Bagaimanapun, hubungan kita makin kukuh sekarang, kerana kita memastikan perbezaan pendapat tidak menjejaskan kita," katanya.

Beliau berkata, lawatan Seri Paduka berdua menjadi simbol dan memperkukuhkan lagi hubungan mesra dan erat antara kedua-dua negara.

"Hubungan dari segi sejarah, kedudukan geografi dan hubungan kekeluargaan yang melalui ujian masa terus mengikat kita. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hubungan kita semakin kukuh dibuktikan oleh kerjasama rapat antara pemimpin, pegawai dan ahli perniagaan kita," katanya. - Bernama



LANGKAH GAGAH: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail memeriksa perbarisan kehormat pada upacara sambutan ketibaan di Istana Presiden, di Singapura semalam.